# BAB 9 MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA

## 9.1 Konflik Antarabangsa

**9.1.la) Namakan pakatan dan negara yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama. (Teks ms 230)**

| Pakatan | N egara |
|---|---|
| Perikatan Kuasa Tengah | Jerman dan Austria-Hungary (JAH) |
| Pakatan Bertiga | Britain, Perancis dan Rusia (BPR) |

**9.1.l b) Namakan dua negara luar Eropah terlibat dalam Perang Dunia Pertama. (Teks ms 230)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| i) | Amerika Syarikat | ii) | Jepun |

**9.1.lc) Apakah peristiwa semerta yang tereetus Perang Dunia Pertama? (Teks ms 231)**

| | |
|---|---|
| **Bunuh** | Pembunuhan Archduke Franz Ferdinand, pewaris takhta Austria-Hungary dan isterinya oleh seorang pengganas Serbia pada28 lun 1914. |

**9.1.l d) Namakan Perjanjian yang menamatkan Perang Dunia Pertama. (Teks ms 231)**

| |
|---|
| Perjanjian Versailles pada tahun 1919 |

**9.1.le) Huraikan faktor-faktor tereetus Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 hingga 1918. (Teks ms 230-231)**

| | |
|---|---|
| **Nasionalisme** | Kemunculan nasionalisme, negara-negara kecil di Eropah telah bersatu dan membentuk sebuah negara bangsa yang lebih besar, contohnya, Jerman dan Itali. |
| **Perang** | Nasionalisme yang kuat menyebabkan kuasa-kuasa besarsanggup berperang untuk membuktikan kekuasaan masing-masmg. |
| **Tanah** | Jerman dan Itali menyertai kuasa besar Eropah yang lain seperti Britain, Perancis, Austria-Hungary dan Rusia dalam usaha mendapatkan tanahjajahan. |
| **Rebut** | Persaingan kuasa-kuasa besar merebut peluang ekonomi akibat Imperialisme Barat |
| **Saing** | Kuasa besar mula bersaing bagi membentuk lingkungan mengarnh masing-masing untuk mendapatkan bahan mentah dan untuk memasarkan barangan siap mereka |
| **Pakatan** | Persaingan untuk mengukuhkan politik dan ekonomi menyebabkan muncul sistem pakatan negara-negara Eropah, iaitu Perikatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga. |
| **Aneam** | Persaingan antara kedua-dua pakatan ini mula mengancam perimbangan kuasa dunia yang wujud pada ketika itu. |





**9.1.l f) Terangkan perkernbangan peristiwa yang rnenyebabkan tereetus Perang Dunia Pertama 1914 hingga 1918. (Teks ms 230-231)**

| | |
|---|---|
| **Bunuh** | Pembunuhan Archduke Franz Ferdinand, pewaris takhta Austria-Hungary dan isterinya oleh seorang pengganas Serbia pada 28Jun 1914. |
| **Isytihar** | Austria dengan sokongan Jerman telah mengisytiharkan perang terhadap Serbia pada 28 Jula 1914 manakala Serbia pula disokong oleh sekutunya Rusia dan Perancis. |
| **Kecuali** | Jerman bertindak menyerang Perancis melalui negaracberkecuali, iaitu Belgium telah menimbulkan kemarahancBritain. |
| **Musuh** | Negara Britain yang sememangnya bermusuhan dengan Jerman turut campur tangan dalam peperangan ini dengan meminta bantuan Amerika Syarikat. |
| **Serang** | Jerman bertindak menyerang kapal dagang Amerika Syarikat menyebabkan negara itu terlibat dalam peperangan ini. |
| **Terlibat** | Itali yang bersikap berkecuali terlibat dalam perang ini dengan menyokong Britian, Perancis dan Rusia. |

**9.1.lg) Nyatakan kesan Perang Dunia Pertama. (Teks ms 231)**

| | |
|---|---|
| **Tamat** | Perang Dunia Pertama telah menamatkan pemerintahan beraja di Eropah. |
| **Darnai** | Persidangan Damai yang diadakan pada bulan Jun tahun 1919 membawa kepada Perjanjian Versailles. |
| **Negara** | Perjanjian ini telah mengubah peta Eropah dan membentuk beberapa buah negara barn seperti Czecholovakia, Estonia, |

| | |
|---|---|
| | Findland, Latvia, Lithuania, Poland dan Yugoslavia. |
| **Liga** | Perjanjian ini membawa kepada pembentukan Liga Bangsa pada tahun 1919 yang matIamat utama untuk menggalakkan keamanan dan kerjasama serta keselamatan bersama. |
| **Inflasi** | Negara-negara yang berperang mengalami inflasi dan hutang peperangan yang tinggi disebabkan perbelanjaan perang yang terlalu besar. |
| **Belanja** | Pakatan Bertiga telah membelanjakan US$ 125 bilion manakala Perikatan Kuasa Tengah membelanjakan US$ 60 bilion. |
| **Pengganguran** | Masalah inflasi dan pengangguran ke atas negara-negara yang berperang. |
| **Pasaran** | Amerika Syarikat dan Jepun mengambil aIih pasaran dunia. |
| **Britain** | Britain sebagai negara industri kehilangan satu per tiga daripada perdagangan luarnya. |
| **Nyawa** | Kehilangan nyawa yang begitu ramai dalam peperangan. |
| **Harta** | Kemusnahan harta benda. |

**Perang Dunia Kedua.**

**9.1.lh) Namakan pakatan dan negara yang terlibat dalam Perang Dunia Kedua. (Teks ms 2.3.1)**

| Pakatan | Negara |
|---|---|
| Kuasa Paksi | Jerman, Itali dan Jepun (JIJ) |
| Kuasa Bersekutu | Britain, Perancis, Rusia dan Amerika Syarikat (BRAP) |

**9.1.li) Namakan dua bandar yang musnah akibat daripada Perang Dunia Kedua. (Teks ms 232)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| i) | Hiroshima | . ii) | Nagasaki |

**9.1.lj) Lengkapkan jadual di bawah namakan negara dan tokoh yang mencetuskan Perang Dunia Kedua.(Teks ms 232-233)**

| Negara | Tokoh |
|---|---|
| Jerman | Adolf Hitler |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*



| | |
|---|---|
| Rusia | Ladimir Lenin dan Joseph Stalin |
| Itali | Benito Mussolini |

**9.1.lk) Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan berlaku Perang Dunia Kedua. (Teks ms 232-233)**

| | |
|---|---|
| **Rasa** | Rasa tidak puas hati Jerman terhadap Perjanjian Versailles kerana negara itu kehilangan tanah jajahannya. |
| **Pampasan** | Jerman terpaksa membayar pampasan perang yang tinggi sebagai negara yang kalah. |
| **Kurang** | Jerman diarahkan untuk mengurangkan saiz angkatan tenteranya. |
| **Hitler** | Muncul seorang pemimpin baru di Jerman, iaitu Adolf Hitler yang berjaya menguasai Jerman melalui partinya National Socialist. |
| **Ingkar** | Hitler telah mengingkari Perjanjian Versailles apabila beliau membina sebuah angkatan tentera yang besar. |
| **Pulih** | Hitler berjaya memulihkan ekonomi dan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk. |
| **Maruah** | Hitler telah berjaya memulihkan maruah bangsa Jerman dengan mengembalikan semangat kebangsaan kepada rakyat |
| **Jajah** | Itali dipihak.yang menang dalam Perang Dunia Pertama tidak diberi tanah jajahab menyebabkan pimpinan Benito Mussolini telah menjajah Habsyah (kini Ethiopia). |
| **Ceroboh** | Pada tahun 1940 !tali telah menceroboh Perancis. |
| **Bebas** | Jepun muncul sebagai sebuah kuasa yang ingin menguasai negara-negara di Timur dan berasa bertanggungjawab untuk membebaskan negara-negara ini daripada penjajahan Barat. |
| **Meiji** | Dasar pemulihan Meiji menjadikan Jepun negara industri dan menguatkan ketenteraan untuk meluaskan pengaruh di Asia. |
| **Ceroboh** | Jepun menceroboh Manchuria dan China yang membimbangkan Amerika Syarikat dan Britain. |
| **Washington** | Pada tahun 1922 Britian dan Amerika Syarikat menandatanganiPerjanjian Washington untuk menyekat kekuatan tentera dan sekatan bahan mentah ke Jepun. |
| **Kemelesetan** | Pada tahun 1929, kemelesetan ekonomi melanda Amerika Syarikat dan seterusnya merebak ke bahagian lain di dunia. |
| **Pinjaman** | Amerika Syarikat tidak mampu lagi menyediakan pinjaman untuk Jerman dan ini menyebabkan Jerman tidak berupaya membayar hutang peperangan. |
| **Peruntukan** | Masalah ekonomi ini, menyebabkan negara Eropah lain termasuklah Britain, Perancis dan Itali mengurangkan peruntukan ketenteraan. |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*

| | |
|---|---|
| **Kukuh** | Hal sebaliknya berlaku di Jerman yang bertindak mengukuhkan \ ketenteraannya dan menjalankan perluasan kuasa bagi mengalihkan perhatian rakyatnya daripada masalah, ekonomi. . |

**9.1.l l) Terangkan peristiwa Perang Dunia kedua. (Teks ms 232-233)**

| | |
|---|---|
| **Poland** | Perang Dunia Kedua meletus apabila Jerman menyerang Poland dari barat manakala USSR menyerang Poland dari timur. |
| **Isytihar** | Serangan ini menyebabkan Britain dan Perancis mengisytiharkan perang terhadap Jerman. |
| **Menguasai** | Jerman menguasai Perancis dan melancarkan seranganke atas British tetapi gaga!. |
| **Mengejut** | Pada 7 Disember 1941 Jepun melancarkan serangan mengejut terhadap Pearl Harbour di dan berjaya memusnahkan angkatan perang Amerika Syarikat di Lautan Pasifik. |
| **Duduki** | Pada September 1942Jepun menduduki Tanah Melayu termasuk Singapura setelah berjaya mengalahkan Britai |
| **Kalah** | Pada bulan Mei 1945 Kuasa Bersekutu berjaya menyelesaikan masalah di Eropah apabila pihak Jerman dikalahkan. |
| **Jepun** | Amerika Syarikat beralih ke Asia dan memenangi beberapa peperangannya dengan Jepun tetapi Jepun masih bersemangat meneruskan perjuangan mereka. |
| **Bom** | Pada 6 Ogos 1945, Presiden Amerika Syarikat, Harry Truman, mengarahkan born atom yang pertama digugurkan di Hiroshima dengan alas an ingin mengelakkan tempoh peperangan yang lama dan kehilangan nyawa yang lebih ramai. |
| **Kedua** | Dua hari kemudiann, born kedua dijatuhkan di Nagasaki dan dalam mas a yang singkat bandar terse but musnah. |

**9.1.lm) Nyatakan kesan Perang Dunia Kedua (Teks ms 234)**

| | |
|---|---|
| **Jerman** | Perang Dunia Kedua telah menyebabkan negara Jerman terbahagi kepada dua, iaitu Jerman Barat danJerman Timur. |
| **Runtuh** | Memperlihatkan keruntuhan sistem imperialisme Barat dan kemerdekaan satu demi satu tanah jajahan daripada kuasakuasa besar Eropah. |
| **Merdeka** | Amerika Syarikat telah memberikan kemerdekaan kepada Filipin Indonesia mencapai kemerdekaan daripada Belanda, India dan Tanah Melayu daripada Britain. |
| **Tangani** | Negara-negara baru terpaksa menangani masalah yang timbul daripada |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*



| | |
|---|---|
| | warisan ekonomi penjajah dan membangunkan ekonomi masing-masing. |
| **Korban** | Peperangan ini menyebabkan jumlah korban nyawa yang tinggi. Bubar Liga Bangsa dibubarkan kerana gagal menghalang kuasa besar menceroboh negara kecil. |
| **PBB** | Menimbulkan kesedaran pentingnya kesejahteraan dan kedamaian dunia menyebabkan pembentukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menggantikan Liga Bangsa. |
| **Dingin** | Berlaku Perang Dingin berlaku disebabkan perbezaan ideologi antara dua kuasa besar dunia iaitu Amerika Syarikat dengan Soviet Union. |

**9.1.2 Kemunculan Blok dan Perang Dingin .**

**9.1.2a) Apakah Blok Dunia? (Teks ms 234)**

| | |
|---|---|
| **Sehaluan** | Blok dunia merujuk kepada negara-negara yang sehaluan yang berusaha untuk bersatu dan bertindak secara bersama bagi menjaga kepentingan ahli. |
| **Bentuk** | Blok ini tampil dalam pelbagai bentuk, iaitu sama ada berdasarkan aspek politik, ekonomi atau geografi. |

**9.1.2b) Apakah yang dimaksudkan Perang Dingin? (Teks ms 234)**

| | |
|---|---|
| **Geopolitik** | Perang Dingin terbentuk daripada Blok dunia berasaskan geopolitik dan tidak berlaku sebarang konflik bersenjata secara langsung. |

**9.1.2c) Senarakan dua kuasa besar yang terlibat dalam Perang Dingin. (Teks ms 234)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| i) | Amerika Syarikat | ii) | Soviet Union |

**9.1.2d) Terangkan sebab-sebab berlaku Perang Dingin. (Teks ms 235)**

| | |
|---|---|
| **Berbeza** | Perang Dingin berlaku disebabkan oleh perbezaan ideologi dan fahaman politik. |
| **Persaingan** | Berlaku persaingan kuasa antara blok kapitalis yang diketuai oleh Amerika Syarikat dengan blok komunis yang diketuai oleh Soviet Union. |
| **Kekuatan** | Kedua-dua blok ini ingin membuktikan kekuatan masing-masing. |
| **Sebar** | Kedua-dua blok berusaha menyebarkan pengaruh dan memajukan |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*

| | |
|---|---|
| | kepentingan masing-masing di Eropah dan di Asia melalui propaganda serta bantuan ekonomi dan ketenteraan. |
| **Pengaruh** | Blok komunis dan blok kapitalis berusaha mempengaruhi pegangan negara-negara Dunia Ketiga ini dengan menawarkan bantuan pertahanan dan ekonomi. |

**9.1.2e) Apakah kesan Perang Dingin? (Teks ms 235)**

| | |
|---|---|
| **Blok** | Kesan Perang Dingin pembentukan blok dunia kepada blok Kapitalis, Blok Komunis dan Blok Dunia Ketiga. |
| **NATO** | Amerika Syarikat dan sekutunya mewujudkan pakatan tentera iaitu penubuhan NATO untuk menyekat pengaruh komunis. |
| **Warsaw** | Soviet Union dan negara-negara komunis menubuhkan Pakatan Warsaw. |
| **SEATO** | Amerika Syarikat membentukn Pertubuhan Perjanjian Asia Tenggara atau South-East Asia Tready Organisation (SEATO) menyekat pengaruh komunis di Asia Selatan. |
| **Lumba** | Berlaku perlumbaan senjata di antara Blok Kapitalis dan BlokKomunis |

.

**9.1.2f) Bandingkan ideologi antara Blok Kapitalis dengan Blok Komunis. (Teks ms 235)**

| Aspek | Blok Kapitalis | Blok Komunis |
|---|---|---|
| **Politik** | i) NegaraDemokratik<br>ii) Pemilihan kerajaan melalui pilihan raya | i) Pemerintahan Diktator<br>ii) Parti komunis sahaja diiktiraf |
| **Ekonomi** | i) Peluang perniagaan dan pemilikan harta persendirian | i) Perniagaan dan pemilikan harta dimiliki oleh kerajaan |
| **Sosial** | i) Kebebasan individu sepenuhnya | i) Kebebasan individu di lindungi dan di kawal. |

## 9.2 Peranan dan Sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Antarabsangsa

**<u>Dasar Luar Malaysia</u>**

**9.2a) Apakah hubungan bilateral dan multilateral? (Teks ms 236)**

| | |
|---|---|
| **Bilateral** | Merujuk pada hubungan secara terus dengan negara-negara tertentu. |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*



| | |
|---|---|
| **Multilateral** | Merujuk pada hubungan dalam bentuk kumpulan dan pertubuhan. |

**9.2b) Apakah matlamat Malaysia menjalinkan hubungan dengan negara-negara dunia? (Teks ms 236)**

| | |
|---|---|
| **Baik** | Ingin berbaik-baik dengan semua negara. |
| **J amin** | Menjamin keselamatan rakyat dan negara. |
| **Pelihara** | Memelihara kepentingan nasional dan mengekalkan kedaulatanxnegara |
| **Pembangunan** | Menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi. |
| **Keamanan** | Mengekalkan keamanan sejagat melalui kerjasama antarabangsa. |
| **Sejahtera** | Menjadi warga global yang bertanggungjawab dan peka terhadap usaha memupuk kesejahteraan dunia. |

**9.2.1a) Nyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi asas penggubalan dasar luar Malaysia. (Teks ms 237-239)**

**<u>Sejarah</u>**

| | |
|---|---|
| **Melaka** | Zaman Kesultanan Melayu Melaka hubungan luar terjalin melalui perdagangan dengan negara luar seperti China, Arab, Siam dan negeri-negeri di Kepulauan Melayu |
| **Rumpun** | Hubungan luar berdasarkan serumpun di Kepulauan Melayu termasuklah negara-negara yang pada hari ini dikenali sebagai Indonesia, Brunei, Singapura dan Malaysia. |
| **Komanwel** | Malaysia menjalinkan hubungan luar selepas merdeka dengan menyertai pertubuhan Komanwel termasuk Britain, Australia dan New Zealand. |
| **Pro-Barat** | Malaysia menjalinkan hubungan luar yang pro-Barat semasa diancam oleh fahaman komunis yang menggugatkan keselamatannegara. |
| **Gantung** | Malaysia masih bergantung kepada kuasa Barat kerana belum mempunyai keupayaan pertahanan |

.

**<u>Faktor Ekonomi</u>**

| | |
|---|---|
| **Bebas** | Malaysia menjalin hubungan baik dengan negara-negara lain di dunia dalam usaha memajukan ekonomi kerana mengamalkan pasaran bebas. |
| **Pengeluar** | Malaysia menjalinkan hubungan luar dengan Britain dan Amerika Syarikat kerana Malaysia merupakan antara negara pengeluar utama |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*

| | |
|---|---|
| | bijih timah dan getah. |
| **Modal** | Mengharapkan pasaran dan modal dari negara-negara tersebut untuk menggalakkan pelaburan asing untuk meningkatkan ekonomi negara dan menyediakan peluang pekerjaan. |
| **Timur** | Melalui Dasar Pandang ke Timur, pelaburan asing juga digalakkan dari negara-negara di Timur terutama Jepun dan Korea. |
| **Pasaran** | Menjalin hubungan baik dengan negara-negara sedang membangun untuk pasaran barangan dan pelaburan. |
| **Islam** | Hubungan dengan negara-negara Islam bagi meningkatkan pasaran barangan keluaran dan mengadakan pelaburan di negara Islam. |

**Faktor Politik**

| | |
|---|---|
| **Demokrasi** | Amalan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen, Malaysia berhak menentukan hala tuju mas a depannya sendiri berdasarkan prinsip-prinsip keamanan sejagat |
| **Pemeliharaan** | Menekankan pemeliharaan kedaulatan negara-negara lain.Contohnya, dasar Malaysia yang menyokong Palestin bagi mewujudkan keamanan di rantau Asia Barat. |
| **Prinsip** | Berpegang teguh pada prinsip-prinsip dan resolusi Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi memelihara keamanan dunia |

**Faktor Geografi**

| | |
|---|---|
| **Strategik** | Kedudukan yang strategik dan bersempadan dengan hampir kebanyakan negara Asia Tenggaran seperti Indonesia, Singapura, Thailand dan Brunei. |
| **Laluan** | Perairannya menjadi laluan utama kapal-kapal perdagangan di dunia, keselamatan negara serantau akan mempengaruhi dan meninggalkan kesan terhadap Malaysia. |

**Faktor Demografi**

| | |
|---|---|
| **Islam** | Menjalin hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara Islam sejajar dengan penduduknya yang majoriti beragama Islam. |
| **Isarael** | Malaysia tidak mengadakan hubungan diplomatik denan negara Israel disebabkan dasar negara berkenaan yang menceroboh dan menindas peribumi Palestin. |
| **Apartied** | Menentang keras Dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*



| | |
|---|---|
| | Selatan.Rakyat kerana Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama diberikan kebebasan untuk mengamalkan budaya hidup dan agama masing-masing. |
| **Hapus** | Malaysia juga tidak mengadakan sebarang hubungan diplomatik dengan negara berkenaan sehinggalah undangundang dasar aparteid itu dihapuskan sikap komited terhadap hak asasi manusia. |

**9.2.1b) Nyatakan dasar luar semasa Tunku Abdul Rahman Menjadi Perdana Menteri Malaysia. (SPM 2004) (Teks ms 240)**

| | |
|---|---|
| **Barat** | Memperlihatkan dasar pro-Barat yang antikomunis kerana ancaman komunis di negara-negara Asia Tenggara dan dalam negara melalui Parti Komunis Malaya. |
| **Komanwel** | Hubangan baik dengan negara Komanwel Malaysia memerlukan bantuan pertahanan daripada negara-negara Komanwel terutama Britain, Australia dan New Zealand. |
| **Perjanjian** | Menandatangani Perjanjian Pertahanan Inggeris- Tanah Melayu atau Anglo-Malayan Defence Treaty (AMDA) pada tahun 1956 untuk *menyekat* pengaruh komunis. |
| **Bantuan** | Mengikut perjanjian ini pihak British akan memberikan bantuan kepada Malaysia sekiranya diserang oleh mana-mana negara. |
| **Jiran** | Berbaik-baik dengan negara jiran kerana timbulnya krisis dengan negara jiran terutama selepas Malaysia mencapai kemerdekaan seperti konfrontasi dengan Indonesia (19631965), terputusnya hubungan dengan Filipina (1963-1965) dan keluamya Singapura daripada Malaysia (1965). |
| **Pelihara** | Usaha-usaha memelihara hubungan dengan negara jiran terbukti mela1ui beberapa perjanjian seperti menubuhkan ASA, MAPHILINDO danASEAN. |
| **Sterling** | Faktor ekonomi memperlihatkan pergantungan Malaysia , kepada Britain da1am menjaga kepentingan ekonomi negara kerana merupakan anggota blok sterling. |
| **Permintaan** | Memberikan tumpuan kepada bijih timah dan getah dengan mengharapkan sepenuhnya permintaan daripada negara Barat termasuk Britain. |
| **Pelabur** | Pelabur Britain masih menguasai peratus yang besar dalam ekonomi Malaysia terutama dalam bidang perladangan dan perindustrian. |
| **Bebas** | Mengamalkan pasaran bebas dengan membina rangkaian perdagangan dengan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Jepun, Singapura dan Jerman Barat bagi mengurangkan |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*

| | |
|---|---|
| | pergantungan kepada Britain dan bagi mencari pasaran barn. |

**9.2.1c) Huraikan dasar luar peringkat kedua semasa Tun Abdul Razak Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri Malaysia. (SPM 2004) (Teks ms 241)**

| | |
|---|---|
| **Keeuali** | Menjelang tahun 1970-an dasar luar Malaysia mula berubah kepada dasar berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara. |
| **Pengaruh** | Perubahan dasar luar ini disebabkan kurangnya peranan yang dimainkan oleh AMDA dan kurangnya pengaruh Britain di Timur. |
| **Pergolakan** | Perubahan dasar ini juga disebabkan oleh pergolakan yang berlaku di Vietnam yang melibatkan dua kuasa besar, iaitu Amerika Syarikat dan China. |
| **ZOPFAN** | Matlamat dasar luar Malaysia mengisytiharkan konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPF AN) bersama-sama dengan anggota negara ASEAN. |
| **Komunis** | Malaysia juga telah menjalin hubungan diplomatik dengan negara berfahaman komunis seperti China, Jerman Timur, Korea Utara, Vietnam Utara dan Monggolia. |
| **Vietnam** | Keinginan Malaysia menjalinkan persahabatan dengan semua negara dengan negara jiran apabila mengadakan hubungan diplomatik dengan Vietnam pada tahun 1976. |
| **Pelarian** | Masalah pelarian Vietnam di Malaysia dapat diatasi dengan kerjasama negara-negarajiran. |

**9.2.1d) Huraikan dasar luar negara peringkat ketiga semasa Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri Malaysia. (Teks ms 241)**

| | |
|---|---|
| **Ekonomi** | Dasar luar Malaysia pada tahap ini telah mengekalkan dasardasar tahap kedua tetapi memberikan penekanan kepada kepentingan ekonomi. |
| **Isu** | Kepentingan ini adalah berkaitan dengan isu-isu perdagangan, pelaburan dan pembangunan terutama di kalangan negara membangun. |
| **Selesai** | Malaysia telah mengadakan hubungan yang lebih erat dengan negara-negara ASEAN seperti menyelesaikan krisis Vietnam dan Kampuchea |
| **Timur** | Dasar Pandang ke Timur telah diperkenalkan pada tahun 1982 dengan menggunakan Jepun dan Korea Selatan sebagai model bagi membangunkan negara Malaysia. |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*



| | |
|---|---|
| **Nilai** | Dasar ini bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia mengambil dan menerima pakai nilai-nilai yang baik seperti semangat mencintai negara, kesungguhan dalam pekerjaan dan etika pengurusan kerj a yang baik. |
| **Hala** | Mempertingkatkan hubungan dua hala dengan negara-negara lain menerusi lawatan yang dilakukan oleh Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, ke negara Afrika, Amerika Selatan, Caribbean dan Pasifik Selatan. |
| **Misi** | Setiap siri lawatannya, misi perdagangan Malaysia akan turut serta dan menandatangani perjanjian perdagangan dua hala yang menguntungkan kedua-dua belah pihak. |
| **Ketiga** | Menjalin hubungan politik dan perdagangan dengan dengan negara Dunia Ketiga disamping negara maju |

**9.2.2a) Senaraikan pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh negara kita Malaysia. (Teks ms 242-252)**

| | |
|---|---|
| i) | Komanwel, |
| ii) | Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu (PBB) |
| iii) | Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) |
| iv) | Kumpulan Selatan-Selatan |
| v) | Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) |

**9.2.2b) Apakah matlamat penubuhan Komanwel? (Teks ms 242)**

| | |
|---|---|
| **Setia** | Untuk membina semangat setia kawan di kalangan negara anggota |
| **Kerjasama.** | Mewujudkan kerjasama dalam segal a bidang di kalangan negara anggota |

**9.2.2c) Nyatakan ciri-ciri negara-negara Komanwel. (Teks ms 243)**

| | |
|---|---|
| **Bekas** | Anggotanya terdiri daripada negara bekas tanahjajahan Britain yang telah merdeka. |
| **Buah** | Keanggotaannya terdiri daripada 54 buah negara maju dan juga negara sedang membangun. |
| **Pejabat** | Sekretariat Komanwel telah ditubuhkan pada tahun 1965 dan beribu pejabat di London. |
| **Dua** | Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) diadakan di kalangan negara anggota setiap dua tahun. |
| **Inggeris** | Pengunaan bahasa Inggeris di kalangan negara-negara anggota. |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*

| | |
|---|---|
| **Kerajaan** | Sistem kerajaan dan pentadbiran mengikut mengikut sistem British. |
| **Setaraf** | Semua ahli komanwel dianggap setaraf. |
| **Raja** | Raja Britain sebagai Ketua Komanwel. |
| **Asas** | Sistem Perundangan dan kehakiman berasaskan sistem British. |

**9.2.2d) Apakah faedah yang diperolehi oleh Malaysia setelah menjadi anggota Komanwel. .(Teks ms 244)**

| | |
|---|---|
| **Pelihara** | Negara-negara Komanwel telah membantu Malaysia memelihara keamanan dan kedaulatan negara menyekat perjuangan Parti Komunis Malaya. |
| **Pertahanan** | Perjanjian pertahanan antara Malaysia dengan Britain, Australia dan New Zealand akan mempertahankan negera sekiranya diserang oleh musuh luar. |
| **Konfrontasi** | Kerjasama pertahanan dengan membantu Malaysia semasa berkonfrontasi dengan Indonesia. |
| **T/Rumah** | Menjadi tuan rumah Mesyuarat CHOGM di Malaysia pada tahun 1989 di Kuala Lumpur. |
| **Deklarasi** | Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi. |
| **Apartied** | Malaysia menentang dasar aparteid di Afrika Selatan yang menyalahgunakan hak asasi manusia. |
| **Cukai** | Eksport Malaysia ke negara-negara Komanwel terutamanya Britain dikenakan cukai yang rendah. |
| **Colombo** | Rancangan Colombo menyediakan bantuan teknikal dan biasiswa dalam bidang pendidikan. |
| **Anjur** | Dalam bidang sukan, Malaysia telah berjaya menganjurkan Sukan Komanwel pada tahun 1998. |

**9.2.2e) Apakah dasar Apartied? (Teks ms 244)**

| | |
|---|---|
| **Beza** | Satu dasar kerajaan Afrika Selatan yang membezakan penduduk mengikut wama kulit. |

**9.2.2f) Mengapakah Malaysia menentang dasar Apatied di Afrika Selatan? (Teks ms 244)**

| | |
|---|---|
| **Putih** | Orang kulit putih merupakan golongan minoriti dan bukan penduduk asal diberi banyak keistimewaan. |
| **Hitam** | Orang kulit hitam merupakan golongan majoritidan penduduk asal dipandang rendah. |





| | |
|---|---|
| **Politik** | Orang kulit hitam tidak diberi hak politik yang sama. |
| **Masyarakat** | Orang kulit hitam tidak diberi hak kemasyarakatan yang sama. |

**9.2.2g) Jelaskan ciri-ciri Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (Teks ms 245)**

| | |
|---|---|
| **Penubuhan** | Ditubuhkan secara rasminya pada tahun 1945, selepas Perang Dunia Kedua apabila Liga Bangsa dibubarkan setelah gagal menghalang beriakunya Perang Dunia Kedua. |
| **Pindah** | Ibu pejabat asalnya di San Francisco tetapi pada tahun 1946 berpindah ke New York. |
| **Anggota** | Pada awal penubuhannya, PBB dianggotai oleh 51 buah negara sahaja tetapi sehingga tahun 2002 keanggotaannya meningkat kepada 189 buah negara. |
| **Merdeka** | Malaysia telah menjadi ahli PBB pada tahun 1957, setelah negara kita mencapai kemerdekaan. |
| **Akur** | N egara anggota PBB harus akur dengan Piagam PBB. |

**9.2.2h) Apakah Piagam PBB? (Teks ms 245)**

| | |
|---|---|
| **Perjanjian** | Satu perjanjian antarabangsa yang menggalurkan prinsip asas hubungan antarabangsa di kalangan negara-negara anggota. |

**9.2.2i) Senaraikan matlamat Piagam PBB. (Teks ms 245-246)**

| | |
|---|---|
| **Jamin** | Pertama, menjamin keamanan dan keselamatan dunia. |
| **Hubungan** | Kedua, menggalakkan hubungan berbaik-baik antara negara anggota. |
| **Selasai** | Ketiga, bekerj asama dalam menyelesaikan masalah antarabangsa dan melindungi hak asasi manusia tanpa mengira bangsa, agama dan wama kulit. |
| **Harmoni** | Keempat, menjadi pusat bagi mengharmonikan tindakan negara-negara anggota |

**9.2.2j) Huraikan sumbangan Malaysia kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (Teks ms 246)**

| | |
|---|---|
| **Pendamai** | Sejak tahun 1960, Malaysia telah dipilih untuk menyertai |

| | |
|---|---|
| | pasukan pendamai di bawah panji-panji PBB untuk menamatkan perang saudara di Congo. |
| **Pengaman** | Pada tahun 1989, sekali lagi Malaysia dipilih untuk mewakili pasukan pengaman PBB ke Namibia bagi membantu negara itu mencapaikemerdekaan. |
| **Pemerhati** | Pada tahun 1990-an, Malaysia telah menghantar pasukan pemerhati ke sempadan Iran-Iraq. |
| **Kampuchea** | Menghantar pemerhati ketika menyelesai perang saudara di Kampuchea |
| **Bosnia** | Menghantar pasukan pengaman ke Bosnia. |
| **Apartied** | Malaysia juga lantang bersuara di PBB menentang dasar aparteid di Afrika Selatan. |
| **Saran** | Menyarankan agar Benua Antartika menjadi warisan dunia yang diletakkan di bawah hak milik atau kuasa semua negara. |
| **Ahli** | Malaysia juga menjadi ahli Bank Dunia, iaitu bank antarabangsa yang ditubuhkan oleh PBB pada bulan Disember 1945. |
| **Dadah** | Malaysia juga mengambil pendirian teguh terhadap usaha-usaha memerangi gejala penyalahgunaan dadah. |
| **Persidangan.** | Hasil daripada usul Malaysia, satu persidangan antarabangsa diadakan di Vienna, lun 1987 dan Perdana Menteri Malaysia menjadi Yang Dipertua persidangan |
| **Makanan** | Malaysia telah bekerjasama dalam bidang pengeluaran makanan di bawah agensi Pertubuhan Makanan dan Pertanian(F AO). |
| **Kesihatan** | KeIjasama dalam bidang kesihatan dan perubatan di bawah Pertubuhan Kesihatan Dunia atau World Health Organization (WHO). |
| **Sains** | KeIjasama dalam bidang sains dan teknologi di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). |
| **Keselamatan** | Malaysia juga pemah dipilih menjadi ahli Majlis Keselamatan PBB pada tahun 1965, 1989 dan 1999. |
| **Pengerusi** | Wakil Malaysia ke PBB, Tan Sri Razali Ismail menjadi Pengerusi Perhimpunan Agung PBB. |
| **Konflik** | Beliau dilantik sebagai wakil khas PBB untuk menyelesaikan konflik politik negara Myanmar. |
| **Palestin** | Malaysia berpendirian tegas mendesak PBB berusaha menyelesaikan masalah Palestin dengan menganjurkan Persidangan Antarabangsa tentang Palestin di Kuala Lumpur. |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*



**9.2.2k) Apakah faedah yang diperoleh oleh Malaysia melalui keanggotaan dalam PBB? (Teks ms 246)**

| | |
|---|---|
| **Pinjaman** | Mendapat bantuan melalui Bank Dunia dari segi kewangan dalam menyusun semula dan membangunkan ekonomi negara. |
| **Pelabur** | Memperoleh faedah dari segi kemasukan pelabur-pelabur asing untuk membasmi kemiskinan di luar bandar selain menyediakan peluang pekerjaan. |
| **FELDA** | Malaysia telah menggunakan bantuan daripada Bank Dunia untuk menjayakan rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) |
| **Pendidikan** | Membangunkan prasarana pendidikan dan penye1idikan. |

**9.2.2 l) Apakah yang anda faham tentang Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)? (Teks ms 249-250)**

| | |
|---|---|
| **Kemuncak** | NAM telah ditubuhkan pada bulan September 1961 semasa kemuncak Perang Dingin. |
| **Bangun** | Ahlinya merupakan negara-negara membangun di Asia, Afrika dan Amerika Selatan. |
| **Anggota** | Anggotanya terdiri daripada 113 buah negara, manakala 16 buah negara sebagai pemerhati dan 28 buah negara merupakan tetamu jemputan. |
| **Malaysia** | Malaysia menganggotai pada tahun 1970 sete1ah berlakunya pertukaran Dasar Luar daripada dasar pro-Barat dan antikomunis kepada dasar berbaik -baik dengan semua negara. |

**9.2.2m) Apakah matlamat penubuhan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali? (Teks ms 249-250)**

| | |
|---|---|
| **Kekal** | Matlamat utamanya penubuhannya adalah untuk mengekalkan keamanan dunia tanpa menyokong blok Barat atau Blok Komunis. |
| **Elak** | Mengelakkan campur tangan asing dalam hal ehwal sesebuah negara. |
| **Hormat** | Menghormati kedaulatan sesebuah negara |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*

| | |
|---|---|
| **Selesai** | Menyelesaikan sebarang pertelingkahan antara negara melalui perundingan dan persefahaman |
| **Hak** | Menghormati hak asasi manusia. |

**9.2.2n) Huraikan sumbangan Malaysia setelah menganggotai Pegerakan Negar-Negara Berkecuali.(Teks ms 249-250)**

| | |
|---|---|
| **Usul** | Malaysia membuat beberapa usul bagi membela kepentingan negara-negara sedang membangun dalam Sidang Kemuncak Ketujuh di New Delhi pada tahun 1987. |
| **Isu** | Malaysia membangkitkan isu Palestin, kerjasama ekonomi dan isu Benua Antartika. |
| **Apartied** | Malaysia telah mengemukakan cadangan bagi menghapuskan dasar aparteid di Afrika Selatan dalam Sidang Kemuncak Kelapan di Harare (Zimbabwe), |
| **N/Preisden** | Malaysia diberikan penghormatan apabila dipilih sebagai Naib Presiden dalam Sidang Kemuncak NAM di Belgrade, Yugoslavia Pada tahun 1989. |
| **Ahli** | Malaysia telah dilantik sebagai ahli kumpulan 16 yang membincangkan isu kerjasama politiknegara anggota. |
| **T/Rumah** | Malaysia telah berjaya menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak NAM yang ke-13 pada tahun 2003 mencatatkan penyertaan tertinggi dengan kehadiran 63 negara ahli, iaitu 31 KetuaNegara dan 32 Ketua Kerajaan.. |
| **Daftar** | Sidang kemuncak ini berjaya mendaftarkan dua negara anggota baru, iaitu Timur Leste dan Pulau Catalina. |
| **Tak Rasmi** | Sidang ini berjaya menganjurkan satu mesyuarat tidak rasmi OIC. |
| **Deklarasi** | Deklarasi Kuala Lumpur menekankan usaha menghidupkan kembali NAM dan pemyataan bersama telah dikeluarkan tentang kedudukan Palestin dan serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq. |

**9.2.2o) Apakah yang anda faham tentang Negara-Negara Selatan. (Teks ms 250)**

| | |
|---|---|
| **Ketiga** | Negara-Negara Selatan juga dikenali sebagai Negara-Negara Dunia Ketiga. |
| **Persamaan** | Negara-negara ini mempunyai banyak persamaan dari segi latar belakang ekonominya dan pemah dijajah oleh kuasa Barat. |
| **Bergantung** | Negara ini masih bergantung kepada negara maju dalam pemasaran bahan mentah. |
| **Memproses** | Negara-Negara Selatan tidak mempunyai kepakaran dan modal untuk memproses bahan mentah menjadi barangan siap. |
| **KawaI** | Pergantungan ini membawa kepada syarat perdagangan yang tidak adil seperti kawalan terhadap harga barang mentah. |
| **Kadar** | Pengenaan kadar faedah yang tinggi terhadap pinjaman yang diberikan. |
| **Matlamat** | Matlamat kumpulan ini adalah untuk mengatasi harga eksport bahan-bahan mentah dan meningkatkan kerjasama ekonomi dan teknikal di kalangan negara anggota tanpa bergantung kepada negara-negara maju. |





**9.2.2p) Terangkan peranan dan sumbangan Malaysia dalam Negara SelatanSelatan. (Teks ms 250-251)**

| | |
|---|---|
| **Penubuhan** | Malaysia memainkan peranan penting dalam menubuhkan Suruhanjaya Selatan-Selatan kerana idea penubuhannya datang daripada Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa Sidang Kemuncak NAM di Zimbabwe pada tahun 1987. |
| **G 15** | Strateginya adalah dengan menubuhkan Kumpulan 15 atau G 15 pada tahun 1989. |
| **Sidang** | Sidang kemuncak G 15 yang pertama telah diadakan di Kuala Lumpurpadatahun 1990. |
| **Kerjasama** | Antara Projek yang dirancang termasuklah kerjasama dalam bidang sains dan teknologi. |
| **Pusat** | Penubuhan Pusat Pertukaran Data Pelaburan Perdagangan dan Teknologi Selatan (SITTDEC) di Kuala Lumpur |
| **Sistem** | Penubuhan Sistem Keistimewaan Perdagangan Global (GSTP) Kemudahan Penubuhan kemudahan kredit dan mekanisme kewangan pembiayaan perdagangan. |

**9.2.2q) Apakah yang anda faham tentang Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)? (Teks ms 251)**

| | |
|---|---|
| **Jeddah** | OlC yang beribu pejabat di Jeddah, Arab Saudi, ditubuhkan pada tahun 1971 daripada idea Tunku Abdul Rahman. |
| **Ahli** | Semasa ditubuhkan ahlinya terdiri daripada 57 buah negara dengan tiga buah negara lagi sebagai pemerhati. |

| | |
|---|---|
| **Erat** | Matlamat utama penubuhannya adalah untuk mengeratkan hubungan sesama negara Islam dalam segala bidang. |
| **Nada** | Bersuara dalam satu nada bagi kepentingan umat Islam. |
| **Damai** | Mengekalkan perdamaian dalam segala persengketaan antara negara Islam. |
| **Suci** | Bersama-sama memastikan tempat-tempat suci Islam dihormati dan tidak dicemari. |
| **Bantuan** | Memberikan bantuan kepada negara-negara Islam yang menghadapi masalah seperti menghantar pasukan perubatan ke Lubnan, Bosnia dan Afghanistan. |
| **Kewangan** | Bantuan dalam bentuk kewangan diberikan kepada negara negara Islam yang kurang maju seperti Sudan, Nigeria dan Chad. |
| **Bank** | OlC juga telah menubuhkan Bank Pembangunan Islam bagi memberikan perkhidmatan kewangan kepada negara anggota. |

**9.2.2r) Terangkan peranan dan sumbangan Malaysia dalam pertubuhan OIC. (Teks ms 251-252)**

| | |
|---|---|
| **Idea** | Tunku Abdul Rahman mencetuskan idea penubuhan pada tahun 1971. |
| **Setiausaha** | Tunku Abdul Rahman diberikan penghormatan untuk menjadi Setiausaha Agong OIC yang pertama. |
| **Perantara** | Malaysia telah menjadi perantara dalam menyelesaikan peperangan Iran-Iraq. |
| **Sokongan** | Memberikan sokongan kepada rakyat Palestin dalam perjuangan mereka untuk mendapatkan semula tanah air mereka daripada Israel.' |
| **T/Rumah** | Menjadi tuanrumahPersidanganOICpada tahun 1974 dan2003. |
| **Persidangan** | Menganjurkan persidangan menentang pengganas di kalangan negara Islam pada tahun 2002. |
| **Biasiswa** | Tawaran biasiswa juga diberikan kepada para pelajar dari negara OIC untuk belajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). |
| **Dinar** | Mengesyorkan penggunaan dinar emas di kalangan negara Islam untuk urusan perdagangan dan kegiatan ekonomi yang lain. |
| **Penghormatan** | Malaysia telah mendapat penghormatan daripada negara kerana anggota yang lain kerana amat serius dalam memperjuangkan hak dan kebajikan negara-negara Islam. |
| **Positif** | Dasar Luar Malaysia yang mengutamakan kesejahteraan dan keamanan serantau dunia telah meninggalkan kesan positif |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*



| | |
|---|---|
| | kepada Malaysia. |

**9.2.2s) Apakah faedah yang diperoleh oleh Malaysia sebagai negara anggota OIC? (Teks ms 251-252)**

| | |
|---|---|
| **Pinjaman** | Mendapat faedah berupa pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam bagi melaksanakan projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. |
| **Bantuan** | OIC telah memberikan bantuan kepada Malaysia untuk menubuhkan UIAM. |
| **Pinjam** | Mendapat pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam di bawah naugan OIC. |
| **Iktiraf** | Menerima pengiktirafan Tunku Abdul Rahman sebagai Setiausaha Agung Ole. |
| **T/Rumah** | Menjadi tuan rumah menganjurkan Persidangan OIC di Putra Jaya pada tahun2003 |

.

**9.2.3 Malaysia dan Pertubuhan Serantau**

**9.2.3a) Senarai pertubuhan serantau yang disertai oleh Malaysia. (Teks ms 253-257)**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| i) | ASA | ii) | MAPHILINDO | iii) | ASEAN |

**9.2.3b) Nyatakan negara-negara yang menganggotai ASA. (Teks ms 253-254)**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| i) | Malaysia | ii) | Thailand | iii) | Filipina |

**9.2.3c) Terangkan tujuan dan matlamat penubuhan ASA. (SPM 2004) (Teks ms 254)**

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*

| | |
|---|---|
| **Ancaman** | Melindungi negara-nagara anggota daripada ancaman komunis. Kerjasama Menjalinkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial |
| **Sains** | Memberikan dan menyediakan kemudahan latihan dan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi di kalangan negara anggota. |
| **Politk** | Mengekalkan serta menjamin keselamatan dan kestabilan politik negara-negara serantau. |

**9.2.3d) Mengapakan pertubuhan ini dibubarkan? (Teks ms 254)**

| | |
|---|---|
| **Kerjasama** | Matlamat ASAtidak ada kerjasama yang erat. |
| **Anti** | ASA juga dianggap sebagai pertubuhan antipemerintahan Presiden Soekamo di Indonesia. |
| **Sangsi** | Timbul kesangsian kerana Malaysia mempunyai perjanjian ketenteraan dengan Britain sementara Thailand dan Filipina mempunyai peIjanjian ketenteraan dengan Amerika Syarikat. |
| **Pertelingkahan** | Pertelingkahan antara Malaysia dengan Filipina tentang penubuhan persekutuan Malaysia telah membawa kepada pembubaran ASA pada tahun 1963. |

**9.2.3e) Apakah MAPHILINDO? (Teks ms 254)**

| | |
|---|---|
| **Cantuman** | Merupakan cantuman nama tiga buah negara, iaitu Malaysia, Filipina dan Indonesia. Menyelesaikan pertikaian pembentukan Malaysia. |

**9.2.3f) Terangkan sebab-sebab penubuhan MAPHILINDO? (Teks ms 254-255)**

| | |
|---|---|
| **Sahabat** | Meningkatkan perhubungan persahabatan dan menyelesaikan pertelingkahan antara Malaysia-Filipina dan Malaysia-Indonesia. |
| **Timbul** | Pertelingkahan yang timbul antara Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut adalah disebabkan oleh cadangan pembentukan Malaysia. |
| **Neokolonial** | Indonesia tidak bersetuju dengan pembentukan Malaysia kerana Presiden Soekamo menganggap pembentukan Malaysia sebagai satu neokolonialisme. |
| **Tuntut** | Tentangan Filipina adalah kerana negara tersebut menuntut Sabah yang didakwanya masih menjadi hak milik negara mereka. |
| **Rundingan** | Bagi menyelesaikan pertelingkahan ini, Malaysia telah mengambil langkah mengadakan rundingan dengan Filipina dan Indonesia yang |





| | |
|---|---|
| | membawa penubuhan MAPHILINDO. |

**9.2.3g) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh MAPHILINDO untuk menyelesai pembentukan Malaysia? (Teks ms 255)**

| | |
|---|---|
| **Sepakat** | Ketiga-tiga negara mencapai kata sepakat memohon bantuan PBB untuk mendapatkan pandangan rakyat Sarawak dan Sabah tentang cadangan penubuhan persekutuan Malaysia. |
| **Wakil** | PBB telah menghantar perwakilannya pada tahun 1963 yang diketuai oleh Lawrence V. Michael More untuk meninjau pandangan rakyat Sarawak dan Sabah. |
| **Setuju** | Hasilnya, majoriti rakyat di kedua-dua negeri berkenaan bersetuju dan menyokong pembentukan Malaysia. |
| **Siasatan** | Indonesia dan Filipina kurang berpuas hati dengan hasil siasatan PBB dan terus menentang pembentukan Malaysia. |
| **Bubar** | Persengketaan yang berterusan ini menyebabkan MAPHILINDO telah tidak berperanan lagi dan dibubarkan. |

**9.2.3h) Apakah ASEAN? (Teks ms 256)**

| | |
|---|---|
| **Pertubuhan** | Sebuah pertubuhan serantau yang terdiri daripada 10 buah negaraAsia Tenggara. |

**9.2.3i) Di mana dan bila pertubuhan ASEAN ditubuhkan. (Teks ms 256)**

| | |
|---|---|
| **Bangkok** | Di Bangkok dengan termetarainya Deklarasi Bangkok pada 8 Ogos 1967. |

**9.2.3j) Senaraikan anggotan ASEAN. (Teks ms 256)**

| | |
|---|---|
| **10 buah** | Terdiri daripada 10 buah negara iaitu Malaysia, Thailand, Filipina, Indonesia, Singapura, Brunei, Myanmar, Laos, kampuchea dan Vietnam. |

**9.2.3k) Apakah logo ASEAN? (Teks ms 256)**

| | |
|---|---|
| **Tangkai** | Sepuluh tangkai padi mempamerkan impian pengasasan sepuluh buah negara yang diikat oleh persahabatan dan perpaduan. |
| **Bulatan** | Bulatan membayangkan semangat bersatu padu dalam ASEAN. |

**9.2.3 l) Apakah moto ASEAN? (Teks ms 256)**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| i) | Keamanan | ii) | Kestabilan | iii) | Kegigihan |
| iv) | Kedinamikan | v) | Kesucian | iv) | Kemakmuran |

**9.2.3m) Terangkan matlamat penubuhan ASEAN. (Teks ms 256)**

| | |
|---|---|
| **Kekal** | Mengekalkan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara. |
| **Bantu** | Membantu antara satu sarna lain dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan. |
| **Tingkat** | Meningkatkan tarafhidup penduduk melalui kerjasama dalam bidang pertanian, perdagangan dan perindustrian. |
| **Kerjasama** | Memberikan kerjasama dan membantu dalam bentuk latihan dan penyelidikan. |
| **Hubung** | Mengadakan hubungan yang erat dengan persatuan atau pertubuhan serantau dan antarabangsa. |

**9.2.3n) Terangkan usaha-usaha yang dijalan ASEAN dalam bidang politik, ekonomi dan sosial di Asia Tenggara. (Teks ms 256-258)**

**Politik**

| | |
|---|---|
| **Deklarasi** | Satu deklarasi bersama telah ditandatangani oleh semua negara anggota yang dikenali sebagai Deklarasi Kuala Lumpur. |
| **Zon** | Mengisytiharkan negara-negara ASEAN sebagai zon aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN). |
| **Kekal** | Mengekalkan keamanan dan kestabilan politik di rantau ini. |
| **Campur** | Tidak bersekongkol dengan mana-mana blok Barat atau blok Timur bagi mengelakkan campur tangan kuasa-kuasa besar. |
| **Mengatasi** | Berusaha untuk mengatasi masalah pencerobohan Vietnam ke atas Kampuchea dengan mengadakan satu mesyuarat membentuk |





| | |
|---|---|
| | kerajaan Demokratik Campuran Kampuchea di bawah pimpinan Putera Norodom Sihanouk. |
| **Setuju** | Vietnam telah bersetuju dengan cadangan berkenaan dan mesyuarat itu telah diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1982. |
| **Putus** | Dalam mesyuarat dalam tahun 1984, Menteri-Menteri Luar ASEAN telah memutuskan bahawa ASEAN ialah Zon Bebas Senjata Nuklear. |
| **Pelabuhan** | Tidak membenarkan mana-mana kapal menggunakan perairan dan kemudahan pelabuhannya untuk mengangkut bahan atau senjata nuklear |

. **Ekonomi**

| | |
|---|---|
| **Industri** | Membentuk kerjasama dalam projek-projek perindustrian contohnya projek baja urea di Bintulu (Sarawak) serta di Acheh (Indonesia) . |
| **AFTA** | Kerjasama ekonomi melalui zon Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN atau ASEAN Free Trade Area (AFTA) yang telah diumurnkan di Singapura pada tahun 1992. |
| **Idea** | Malaysia telah mengemukakan idea melalui ASEAN untuk memperluas skop kerjasama ekonomi bagi rantau sebelah sini yang melibatkan China, Jepun dan Korea Selatan. |
| **EAEC** | Idea ini telah dikemukakan oleh Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dinamakan Perundingan Ekonomi Asia Timur atau East Asian Economic Caucus (EAEC). |
| **ASEAN+3** | Kerjasama secara tidak rasmi tetap terus diadakan melalui konsep ASEAN+ 3 merujuk pada kerjasama yang ingin diwujudkan antara negara ASEAN dengan negara-negara timur, iaitu China, Jepun dan Korea. |
| **Jemput** | Menteri-menteri luar negara Asia Timur dijemput menghadiri majlis kerjasama ekonomi. |

**Sosial**

| | |
|---|---|
| **Pendidikan** | Kerjasama dalam bidang pendidikan dengan tertubuhnya Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran ASEAN (SEAMEO) |
| **Serantau** | Pembinaan Pusat Serantau untuk sains dan matematik (RECSAM) di Pulau Pinang, Malaysia. |
| **Budaya** | Kerjasama dalam bidang kebudayaan dan sosial seperti mengadakan festival kebudayaan dan kesenian dengan menubuhkan Tabung Kebudayaan ASEAN. Rancangan Pertukaran |

| | |
|---|---|
| | rancangan televisyen dan radio dijalankan. |
| **Sukan** | Sukan SEA diadakan untuk merapatkan hubungan antara negara melalui semangat kesukanan. |
| **Pelancongan** | Dalam bidang pelancongan kerjasama dijalinkan dengan mengadakan Tahun Melawat ASEAN pada tahun 1992. |
| **S/Khabar** | Menjalinkan kerjasama dalam bidang persuratkhabaran. Sastera Menjalinkan kerjasama dalam bidang kesusasteraan. |
| **Tenaga** | Menjalankan kerjasama melalui pertukaran pelajar dan tenaga pengajar dalam bidang pendidikan. |

**9.2.3o) Apakah yang dimaksudkan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Tenggara (AFTA)? (Teks ms 258)**

| | |
|---|---|
| **Ekonomi** | Kerjasama ekonomi ASEAN yang diumurnkan pada sidang kemuncakdi Singapura 1992. |
| **Sekatan** | Menghapuskan sekatan dagangan di kalangan negara-negara ASEAN. |
| **Kerj asama** | Menggalakkan kerjasama di kalangan negara-negara anggota. Pasaran Mewujudkan pasaran yang luas kerana penduduk yang ramai. Industri Mengembangkan industri dengan meningkatkan pengeluaran barang. |
| **Tingkat** | Meningkatkan kerjasama ekonomi negara-negara ASEAN. |

**9.2.4 Cabaran Masa Depan**

**9.2.4a) Apakah globalisasi? (Teks ms 260)**

| | |
|---|---|
| **Sempadan** | Globalisasi merujuk pada perubahan yang menjadikan dunia tanpa sempadan yang disebabkan oleh kepesatan atau kepantasan perkembangan teknologi maklumat. |

**9.2.4b) Apakah faedah yang diperoleh melalui ICT? (Teks ms 260)**

| | |
|---|---|
| **Pantas** | ICT merujuk pada kaedah serta peralatan yang membolehkan proses komunikasi berlaku dengan pantas. |
| **Mudah** | Maklumat mudah dihantar ke pelusok dunia. |
| **Berkesan** | Berkesan tanpa mengira sempadan. |

**9.2.4c) Jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia untuk**

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*



**memajukan ICT. (Teks ms 260)**

| | |
|---|---|
| **Prasarana** | Malaysia telah menyediakan prasarana bagi mere but peluang serta faedah tersebut. |
| **Promosi** | Malaysia telah menjalankan pelbagai langkah bagi mempromosikan penggunaan ICT di sekolah dan kepada masyarakat. |
| **TEKS MSC** | Kerajaan telah melancarkan projek Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor (TEKS MSC) yang telah memulakan e-pendidikan, pemasaran tanpa sempadan, e-dagang dan penyiaran digital. |
| **Peruntukan** | Dalam Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan telah menyediakan peruntukan belanjawan sebanyak RM5.2 billion bagi proses berasaskan ICT. |
| **Agih** | Peruntukan sebanyak 1 billion diagihkan bagi program ICT luar bandar untuk mengelakkan jurang perbezaan antara bandar dengan luar bandar |

**9.2.4d) Apakah Koridor Raya Multimedia? (Teks ms 261)**

| | |
|---|---|
| **Lancar** | Dilancarkan pada 27 Jun 1998 oleh Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. |
| **Cakup** | Merangkumi kawasan mencakupi Kuala Lumpur City Centre hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). |
| **Peringkat** | Dibangunkan secara berperingkat-peringkat dan akan diperluaskan ke seluruh negara. |
| **Global** | Bertujuan untuk memanfaatkan sepenuhnya perkembangan teknologi maklumat dan multimedia global. |
| **Maklumat** | Melahirkan masyarakat yang bermaklumat. |

**9.2.4e) Terangkan K-ekonomi yang diperkenalkan oleh kerajaan. (Teks ms 262)**

| | |
|---|---|
| **Pengetahuan** | Ekonomi berlandaskan pengetahuan merujuk keupayaan seseorang untuk menggunakan ilmu pengetahuan bagi mencipta satu nilai baru yang dapat membawa kemajuan. |
| **Tingkat** | Pada era globalisasi, k-ekonomi memainkan peranan yang penting yang mampu bersaing dalam meningkatkan mutu pengeluaran dan perkhidmatan yang disediakan. |
| **Pengerak** | Pada era k-ekonomi, teknologi dan industri berasaskan ilmu pengetahuan merupakan pengerak utama dalam menjana keuntungan, kemajuan pemiagaan, peluang pekerjaan serta |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*

| | |
|---|---|
| | perkongsian pintar. |
| **Berharga** | Sumber yang paling berharga dalam K-ekonomi ialah modal intelek dan juga pekerja berpengatahuan. |
| **Kekayaan** | Modal intelek hanya dapat dihasilkan melalui kekayaan pengetahuan, diikuti dengan semangat serta daya saing yang tinggi. |
| **Pengetahuan** | Tenaga kerja berpengetahuan amat diperlukan oleh negara untuk membangunkan industri berasaskan pengetahuan. |
| **Inovasi** | Kunci utamakejayaank-ekonomi melalui Inovasi melalui penyelidikan dan pembangunan atau research and development (R&D). |
| **Peruntukan** | Kerajaan Malaysia telah menyediakan peruntukan yang besar kepada penyelidikan dan pembangunan dalam usaha menggalakkan penciptaan baru dan pendaftaran paten. |
| **Galak** | Kerajaan sentiasa menggalakkan rakyatnya supaya menggunakan segala penemuan baru dalam usaha meningkatkan tahap kemajuan bangsa dan negara. |

**9.2.4f) K-masyarakat bertujuan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang maju dan saintifik.Jelaskan. (Teks ms 263)**

| | |
|---|---|
| **Usaha** | K-masyarakat merujuk kepada masyarakat yang sentiasa berusaha membaiki dan memperkayakan diri dengan pengetahuan agar terus dapat bersaing. |
| **Selari** | Ini selari dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat. |
| **Cekap** | Prasarana untuk pertumbuhan k-society telah dibangunkan dengan secekapnya oleh kerajaan Malaysia terutama dalam bidang pendidikan. |
| **Pendidikan** | Usaha telah dijalankan bagi membangunkan dan menyusun semula sistem pendidikan Malaysia antaranya, sekolah wawasan bagi memupuk perpaduan melalui interaksi murid pelbagai kaum, yang dapat meningkatkan daya saing. |
| **Bestari** | Sekolah bestari pula dilengkapi dengan prasarana teknologi maklumat atau information technology (IT) dalam usaha memupuk rasa cinta terhadap IT. |
| **Kurikulum** | Kurikulum juga diubahsuai dan dibentuk semula agar dapat melahirkan pelajar yang kreatif, dinamis serta berfikiran kritis dan analitis. |
| **Tenaga** | Melahirkan kumpulan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi, bermotivasi tinggi dan berkemahiran tinggi sebagaimana yang diperlukan bagi menyahut cabaran globalisasi. |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*



| | |
|---|---|
| **Selari** | Matlamat k-masyarakat adalah selari dengan Wawasan 2020 yang berusaha mewujudkan masyarakat Malaysia yang maju dan saintifik |

*Dimuatturun daripada http://sejarahspm.wordpress.com*